

Head Office:
 Wisma MCIS, Jalan Barat,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

Postal Office:
 P.O. Box 345, Jalan Sultan,
 46916 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

T +603 7652 3388
 F +603 7957 1562
 E customerservice@mcis.my
 W www.mcis.my

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Golden SeniorCare. Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Golden SeniorCare
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Golden SeniorCare merupakan pelan sepanjang hayat tanpa penyertaan dengan premium tetap dan tempoh bayaran terhad tanpa pengunderitan perubatan, tertakluk kepada kelayakan dan pengunderitan kewangan, yang menyediakan perlindungan untuk kematian sehingga umur 100 tahun (pada hari jadi berikutnya).
- Ia memberikan perlindungan terhadap kematian akibat kemalangan sehingga 4 kali daripada Jumlah Asas Diinsuranskan, bergantung pada umur tercapai semasa kematian.
- Sekiranya Hayat yang Diinsuranskan hidup sehingga akhir tempoh polisi, manfaat kematangan yang dijamin bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar.
- Tempoh bayaran premium adalah bergantung kepada umur penyertaan dan jantina anda.
- Jumlah premium yang dibayar di bawah pelan ini adalah kurang daripada Jumlah Asas Diinsuranskan, kecuali untuk kes di mana terdapat sebarang permindaan polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan = RM50,000.00

Tempoh Bayaran Premium = 12 tahun

Tempoh Polisi = 50 tahun

Kematian (bukan akibat kemalangan)	Manfaat Kematian: Kematian bukan akibat kemalangan yang berlaku dalam tahun polisi 1 atau 2: Jumlah premium yang telah dibayar akan dipulangkan tanpa faedah dan tiada jumlah diinsuranskan akan dibayar. Kematian bukan akibat kemalangan yang berlaku dalam tahun polisi 3 dan seterusnya: 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar. Polisi akan ditamatkan selepas bayaran penuh untuk Manfaat Kematian.								
Kematian Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan: Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, manfaat yang akan dibayar adalah bergantung pada umur tercapai (pada hari jadi berikutnya) Hayat yang Diinsuranskan semasa kematian, seperti berikut: <table border="1" style="margin-top: 10px; width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Umur (pada hari jadi berikutnya) tercapai semasa kematian</th> <th style="text-align: center;">Manfaat Akan Dibayar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">50 - 64</td> <td style="text-align: center;">RM 200,000 (400% Jumlah yang Diinsuranskan)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">65 - 80</td> <td style="text-align: center;">RM 125,000 (250% Jumlah yang Diinsuranskan)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">>80</td> <td style="text-align: center;">RM 50,000 (100% Jumlah yang Diinsuranskan)</td> </tr> </tbody> </table> Nota: Sekiranya hayat yang diinsuranskan mati akibat kemalangan tetapi akibat kemalangan tersebut termasuk dalam senarai pengecualian untuk kematian akibat kemalangan, hanya 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan atau pembayaran balik premium yang telah dibayar tanpa faedah akan dibayar. Manfaat kematian akibat kemalangan maksimum bagi setiap nyawa adalah RM1,000,000. Polisi akan ditamatkan selepas bayaran penuh untuk Manfaat Kematian Akibat Kemalangan.	Umur (pada hari jadi berikutnya) tercapai semasa kematian	Manfaat Akan Dibayar	50 - 64	RM 200,000 (400% Jumlah yang Diinsuranskan)	65 - 80	RM 125,000 (250% Jumlah yang Diinsuranskan)	>80	RM 50,000 (100% Jumlah yang Diinsuranskan)
Umur (pada hari jadi berikutnya) tercapai semasa kematian	Manfaat Akan Dibayar								
50 - 64	RM 200,000 (400% Jumlah yang Diinsuranskan)								
65 - 80	RM 125,000 (250% Jumlah yang Diinsuranskan)								
>80	RM 50,000 (100% Jumlah yang Diinsuranskan)								
Manfaat Kematangan	Sekiranya hayat yang diinsuranskan masih hidup pada tarikh matang polisi, Syarikat akan membayar RM 50,000 (100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan).								

- Sekiranya berlaku kematian bukan akibat kemalangan semasa tahun polisi ke-3 dan seterusnya atau kematian akibat kemalangan, 10% daripada manfaat kematian yang layak akan dibayar sebagai wang tunai kecemasan kepada benifisiari selepas menerima dokumen yang minimum. Bakinya akan dibayar apabila menerima dokumentasi lengkap yang dikehendaki oleh Syarikat.
- Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut berkenaan dengan manfaat, termasuk Nilai Serahan Dijamin.
- Manfaat di atas tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam dokumen polisi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada umur penyertaan dan jantina anda.
- Jumlah premium asas jangkaan yang anda perlu bayar: RM 3,145.33 (Tahunan)
- Tempoh premium: 12 tahun (sehingga umur 62)
- Premium yang anda perlu bayar adalah dijamin dan akan kekal sama sepanjang tempoh bayaran premium.
- Anda boleh memilih untuk membayar premium anda sama ada secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.
- Anda diberi tempoh tangguh selama 30 hari bagi kekerapan bayaran bulanan dan 45 hari bagi kekerapan bayaran tahunan, setengah tahunan dan suku tahunan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Caj serahan akan dikenakan ke atas nilai serahan dijamin sepanjang tempoh polisi.
- Nilai caj serahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bilangan Tahun Polisi Premium Dibayar	Caj Serahan (% daripada Nilai Serahan Dijamin)
Kurang daripada 3	100%
3 tahun ke atas	20%

- Jumlah komisen yang perlu dibayar ialah 71.82% daripada satu tahun premium.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting yang dikehendaki dalam borang pendaftaran dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima polisi. Premium yang telah anda bayar akan dipulangkan kepada anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat pertarungan, kecederaan dilakukan sendiri atau bunuh diri, samaada siuman atau tidak siuman dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Polisi Dikeluarkan atau tarikh berkuatkuasa semula polisi ini, yang mana lebih kemudian.
- b) Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian Hayat yang Diinsuranskan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, disebabkan oleh penyakit sedia ada, akibat atau berhubungan dengan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)).
- c) Manfaat Kematian akibat Kemalangan tidak melindungi sebarang kematian secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, yang disebabkan oleh salah satu kejadian berikut:
 - Serangan atau pembunuhan;
 - rusuhan atau kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk butir penuh mengenai pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Pembelian polisi insurans hayat adalah merupakan satu komitmen kewangan jangka masa panjang. Sekiranya anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperolehi nilai serahan dijamin. Jumlah tunai (jika ada) yang Syarikat akan bayar kepada anda bila anda membatalkan polisi ini sebelum tarikh matang adalah jauh lebih rendah daripada jumlah keseluruhan premium yang anda telah bayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda pada waktu yang tepat.

9. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkaitan insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* berkaitan 'Insurans Hayat'. Ia boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau dengan melayari laman web: www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Jenis perlindungan sejenis yang sedia ada?

Sila rujuk kepada ejen kami untuk jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada XXXX.